

Berhubung meluluskan pencalonan ahli baharu

Anwar sedia mansuhkan kuasa presiden

Oleh **KHAIRUL MOHD ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Anwar Ibrahim sedia memansuhkan kuasa yang ada pada beliau sebagai Presiden PKR dalam meluluskan pencalonan ahli baharu pada pemilihan parti dan ia akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) akan datang.

Menurutnya, semua permohonan tersebut dihantar ibu pejabat parti kepada beliau untuk diluluskan bagi mengelak salah faham atau dakwaan pilih kasih dan mengakui meluluskan semua permohonan dibuat ahli baharu yang mahu berunding dalam Pemilihan PKR kali ini.

“Tidak mengapa, nanti saya bawa dalam mesyuarat. Keputusan saya sendiri tidak mahu sebenarnya, saya sudah sebut dengan jelas dalam mesyuarat MPP.”

“Tetapi ada (permohonan) dihantar ke pejabat saya dan saya luluskan semua kerana kalau luluskan sebahagian sahaja nanti akan jadi masalah. Semua yang sampai ke meja saya, saya luluskan, jadi tiada isu,” katanya kepada pemberita usai menunaikan tanggungjawab mengundi kepemimpinan baharu PKR di sini semalam.

Cadangan pemansuhan itu dibangkitkan Timbalan Presiden, Datuk Seri Rafizi Ramli beberapa hari lalu bagi mengelakkan parti dibanjiri individu yang hanya mahukan jawatan.



ANWAR Ibrahim mengimbas muka sebelum melakukan pengundian secara dalam talian semprna Kongress Nasional Keadilan 2025 di Johor Bahru semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Rafizi mendakwa kuasa tersebut telah mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli akar umbi yang lama berjuang membina kekuatan parti sehingga berjaya membentuk Kerajaan Perpaduan.

Anwar yang juga Perdana Menteri berkata, semua permohonan berkaitan telah dibuat melalui tapisan dan proses yang diluluskan ibu pejabat PKR termasuk latar belakang, sama ada calon tersebut muflis atau mempunyai rekod jenayah.

Sementara itu usai melaksanakan tanggungjawab mengundi kepemimpinan baharu PKR bagi penggal baharu di sini semalam, Anwar menegaskan, beliau tidak membawa senarai ‘cai’ dalam pemilihan parti kali ini, sebaliknya, mengambil masa meneliti setiap calon secara teliti bagi memilih yang terbaik.

Sebaliknya, Perdana Menteri memilih dan menyokong kedua-dua kempen, iaitu Hidupkan Idealisme Reformasi Dalam Ujian Kuasa (HIRUK) dan Dari

Akar, Membina Aspirasi Inklusif (DAMAI).

“Sudah mengundi tadi, saya tiada bawa ‘cai’ sebab itu ambil masa panjang (mengundi) kerana teliti satu persatu, itu yang sebaiknya.

“Kita tengok yang terbaik, itu yang kita undi. Jadi, kalau sesetengah ada cai sana ada cai sini, saya tidak.

“Saya juga harap dalam keputusan kedua-dua (pihak) diambil kira yang dirasakan terbaik,” katanya.